

18 MAR 2000

Umno-Johor

TUJUH BAHAGIAN UMNO DI JOHOR CALONKAN MAHATHIR DAN PAK LAH

JOHOR BAHRU, 18 Mac (Bernama) -- Kesemua tujuh bahagian Umno di Johor yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing setakat ini telah mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan presiden parti dan timbalan presiden parti.

Ketujuh-tujuh bahagian itu ialah Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat, Tenggara, Mersing dan Bakri. Umno Bahagian Bakri mengadakan mesyuarat perwakilannya hari ini manakala Mersing pada 12 Mac dan lima yang lain pada 5 Mac lepas.

Johor mempunyai 20 Umno bahagian dan sebanyak 13 bahagian lagi akan bermesyuarat sehingga akhir bulan ini.

Empat bahagian iaitu Johor Baharu, Gelang Patah, Parit Sulong dan Sri Gading akan bermesyuarat esok (19 Mac) manakala pada 26 Mac, sembilan bahagian akan bermesyuarat iaitu Pulai, Pagoh, Tebrau, Kluang, Labis, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kota Tinggi.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat pencalonan daripada ketujuh-tujuh bahagian yang telah bermesyuarat.

Abdul Ghani yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Johor, ialah antara tiga tokoh Umno dari Johor yang telah menawarkan diri bertanding jawatan naib presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Dua yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Syed Hamid ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Johor dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi manakala Muhyiddin Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad mendapat tiga pencalonan manakala Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam dua pencalonan.

Mohamed Isa mendapat pencalonan dari Segamat, Mersing dan Bakri manakala Osu mendapat pencalonan dari Bahagian Senai dan Tenggara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar masing-masing mendapat satu pencalonan.

Dr Rais mendapat pencalonan dari bahagian Sungai Benut manakala Abu Hassan bahagian Ledang.

-- BERNAMA

MKO FAZ